

Projek UDA gantikan 22 buah kedai lama

KUALA LUMPUR, Jumaat — Syarikat Dayabumi, sebuah anak syarikat Perbadanan Kemajuan Bandar (UDA) akan mengumumkan projek yang bakal dilaksanakan di kawasan Jalan McAlister dan Jalan Roger setelah masalah kedai yang akan dirobohkan di situ selesai diuruskan.

Seorang jurucakap syarikat tersebut berkata, untuk masa ini perkara tersebut tidak boleh dihebahkan kepada orang ramai lagi.

Sebanyak 22 buah kedai dua tingkat yang dibina kira-kira 48 tahun lalu berdekatan Pasar Besar akan dirobohkan setelah tempoh notis 60 hari yang dikeluarkan oleh pemilik tanah di situ, Syarikat Straits Trading berakhir.

Kesemua peniaga yang menghuni kedai tersebut sejak ia dibina pada tahun 1933 telahpun menerima notis tersebut.

Mereka kemudian menghantar satu memorandum kepada Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Azli supaya menimbangkan gantirugi.

Jurucakap Syarikat Dayabumi berkata, pihaknya diberitahu suatu projek berfaedah akan dilaksanakan di kawasan tersebut.

Datin Paduka Rafidah ketika dihubungi hari ini enggan mengulas mengenai kedudukan kedai tersebut.

"Saya tidak mahu mengulas mengenai perkara ini hingga perkara yang berkaitan diselesaikan," katanya.

Syarikat Straits Trading yang memiliki kawasan tersebut dikatakan telah menjualnya kepada UDA.

Bangunan yang diadangkan itu sehingga ini belum diputuskan secara muktamad, tetapi Datin Paduka Rafidah berkata, kawasan itu akan dibangunkan.

Berita Harian difahamkan UDA bersetuju membayar gantirugi tiga tahun sewaan kepada tuanpunya kedai tersebut.

Bagaimanapun mereka dikatakan tidak bersetuju dan mengemukakan satu memorandum kepada Menteri Perusahaan Awam untuk mendapatkan jasa baiknya.

M e m o r a n d u m tersebut dipercayai telah pun diterima oleh Datin Paduka Rafidah.

S e m e n t a r a itu pekedal-pekedal yang ditemui mengesahkan mereka telah diberi notis pindah oleh UDA dalam tempoh 60 hari.

Mereka berharap UDA akan dapat mencari kawasan lain yang sesuai untuk membolehkan mereka meneruskan perniagaan masing-masing.

MCA Wilayah Persekutuan juga berjanji untuk membantu para peniaga yang terlibat sehingga satu resolusi yang memuatkan dicapai.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia